

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1987/88

ZSE 262/3 - Geologi II

Tarikh: 7 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tgh.  
(3 jam)

Jawab EMPAT soalan sahaja.

Kesemuanya mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (a) Tuliskan karangan yang ringkas tentang

- (i) Liku dan tasik ladam sungai.
- (ii) Bentuk saliran sungai ranting, jejala, trellis dan sepunca.
- (iii) Keluluhawan kimia.

(80/100)

(b) Di kawasan Grand Canyon (Colorado, Amerika Syarikat), sungai Colorado mengalir melalui kanyon dengan tepi-tepi yang curam (iaitu ciri sungai peringkat muda). Tetapi ciri sungai peringkat tua seperti liku-liku juga dijumpai. Terangkan peristiwa-peristiwa geologi yang boleh mengakibatkan keadaan ini.

(20/100)

✓  
2. Tuliskan karangan tentang ciri-ciri lautan yang berikut

- (i) Pelantar, lereng dan naikan benua.
- (ii) Terumbu karang, atol dan guyot.
- (iii) Kanyon bawah laut.

(100/100)

3. (a) Bincangkan masalah-masalah yang berkenaan dengan pembinaan empangan.

(50/100)

(b) Tuliskan karangan tentang pembentukkan bijih hidroterma.

(50/100)

✓  
.../2

4. (a) Bincangkan perangkap minyak berjenis struktur dan stratigrafi. (40/100)
- (b) Tuliskan karangan tentang minyak di Lembangan Melayu. (40/100)
- (c) Beri sebab-sebab kenapa minyak tidak pernah dijumpai di kawasan daratan Semenanjung Malaysia. (20/100)
5. (a) Huraikan peristiwa-peristiwa geologi utama yang berlaku di kawasan Semenanjung Malaysia pada zaman Paleozoik Atas. (60/100)
- (b) Bincangkan pembentukkan timbunan bijih timah sekunder (plaser) di Semenanjung Malaysia. (40/100)

-ooooOooo-